

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai terkini nama-nama Ahli-Ahli Lembaga Pengarah bagi kesemua 20 Universiti-Universiti Awam di Malaysia. Apakah justifikasi Kerajaan membuat lantikan politik ataupun dari kalangan ahli parti politik bagi mengisi jawatan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti-Universiti Awam di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Peraturan (14) (1), Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1970 (Akta 30) berhubung kuasa Menteri Pengajian Tinggi dalam urusan pelantikan Lembaga Pengarah Universiti Awam (UA) telah dinyatakan secara jelas seperti butiran berikut:

***“Pelantikan ahli Lembaga, kecuali Naib Canselor, hendaklah dibuat oleh Menteri bagi tempoh tiga tahun dan apabila habis tempoh itu, ahli Lembaga itu layak dilantik semula”.***

Seterusnya, Seksyen 13 (1) Akta 30 juga telah menetapkan komposisi keahlian Lembaga Pengarah Universiti (LPU) hendaklah terdiri daripada:

- a) Pengerusi;
- b) Naib Canselor;
- c) Dua orang pegawai daripada perkhidmatan awam;

- d) Seorang yang mewakili masyarakat di tempat terletaknya Universiti itu;
- e) Seorang profesor Universiti yang dipilih oleh Senat daripada kalangan ahli; dan
- f) Lima orang yang terdiri daripada tiga orang daripada sektor swasta, seorang daripada alumni Universiti dan seorang lagi dari dalam atau luar Universiti yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang boleh membantu Lembaga.

Selain itu, melalui pelaksanaan *University Transformation Program* (UniTP) *Greenbook: Enhancing University Board Governance and Effectiveness* yang dijadikan sebagai sebahagian daripada dokumen rujukan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, turut disentuh perkara-perkara berkenaan saiz dan komposisi LPU serta pencalonan Ahli LPU. Berdasarkan Buku Hijau ini, keahlian LPU disarankan untuk mengambil kira pelbagai faktor seperti meningkatkan penyertaan wanita dalam LPU, keahlian daripada individu yang mempunyai pendedahan di peringkat antarabangsa dan mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang seperti berikut:

- a) Pengurusan belanjawan dan kewangan;
- b) Audit;
- c) Pengurusan risiko;
- d) Pedagogi;
- e) Penyelidikan;
- f) Penjanaan pendapatan;
- g) Perancangan strategik; dan
- h) Pengalaman industri yang relevan dengan bidang tujuan dan aspirasi Universiti.

Justeru, setiap lantikan ahli LPU dibuat selaras dengan keyakinan kerajaan terhadap kesesuaian latar belakang, ketokohan dan kepakaran calon dalam memenuhi keperluan komposisi di bawah Akta 30 serta keupayaan dalam menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan. Senarai Ahli Lembaga Pengarah bagi 20 Universiti Awam adalah seperti dilampirkan.